

**LENCONGAN TRAFIK DI LALUAN ANTARA DAMANSARA-SHAH
ALAM DI KM13.60 HINGGA KM14.35 (KEDUA-DUA ARAH)
DI LEBUHRAYA BARU LEMBAH KLANG (NKVE)
BAGI KERJA-KERJA PROJEK JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELINTASI LEBUH RAYA OLEH PIHAK KETIGA**

Petaling Jaya, 14 Ogos 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa satu lencongan trafik akan dilaksanakan di laluan antara Damansara-Shah Alam di KM13.60 hingga KM14.35 (Kedua-dua Arah) di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

Lencongan jalan yang dijadualkan selama 6 bulan mulai 14 Ogos 2026 hingga 9 Februari 2027 ini dilaksanakan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja Projek Jejantas Pejalan Kaki melintasi lebuhraya serta kerja-kerja penyelenggaraan oleh pihak Pinnacle Homes AD Sdn Bhd (PHADSB).

(Sila rujuk infografik yang dilampirkan)

Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik yang disediakan serta arahan petugas PLUS bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan semua pihak.

Pengguna juga disaran merancang perjalanan lebih awal dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, media sosial rasmi PLUS termasuk X @plustrafik, serta paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih. Sekiranya berlaku kecemasan, pengguna lebuhraya boleh menghubungi PLUSLine di 1-800-88-0000 untuk mendapatkan bantuan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Nadirah H. Rodzi Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Rofina Adam Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---